U 8314 DEB
MAHATHIR - WANITA

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TENAGA WANITA TIDAK HARUS DIASINGKAN DARIPADA TENAGA LELAKI DALAM PROSES PEMBANGUNAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGI MALAYSIA MENCAPAI TARAF KEMAJUAN YANG SAMA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, TENAGA WANITA DAN LELAKI PERLU DIGABUNGKAN.

+JIKA TENAGA WANITA DIASINGKAN, INI BERMAKNA NEGARA AKAN KEHILANGAN POTENSI YANG DAPAT DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM INSTITUT KEMAJUAN WANITA (IKHWAN) DI HOTEL HILTON DI SINI MALAM INI.

BELIAU BERKATA SETIAP INDIVIDU PERLU MEMBERI SUMBANGAN SECUKUPNYA BAGI KEPENTINGAN NEGARA KERANA PENDUDUK MALAYSIA SEBANYAK KIRA-KIRA 16.5 JUTA ORANG BUKANLAH SATU BILANGAN BESAR BAGI SEBUAH NEGARA YANG AGAK LUAS.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PERDANA MENTERI MENGGESA GOLONGAN TERTENTU SUPAYA TIDAK CUBA MEMPERALATKAN WANITA SEBAGAI HIASAN ATAU PERMAINAN UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI. -- LAGI.

2141MST 30 11 88

0875

U 8316 DEB
MAHATHIR - WANITA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MEMINTA PERSATUAN WANITA BEKERJASAMA KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA DAN TIDAK MENIMBULKAN KONFLIK ANTARA MEREKA YANG BOLEH MENGHANCURKAN MATLAMAT MEMBERI KHIDMAT KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

PADA MAJLIS ITU, IKHWAN MENGANUGERAHKAN KEAHLIAN +FELLOW KEHORMAT+ KEPADA LAPAN TOKOH WANITA TERMASUK ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, TAN SRI FATIMAH HASHIM DAN TAN SRI AISHAH GHANI. -- BERNAMA.

2144MST 30 11 88